

Selasa | 24 April 2018

BERNAMA.com Xtra : Langgan | Log Masuk



MENU

Kemajuan MRT laluan SSP melepasi 24 peratus siap

Tarikh kemaskini: 23/04/2018

KUALA LUMPUR , 23 April (Bernama) -- Projek Transit Aliran Massa (MRT) bagi laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) mencatat kemajuan yang memberangsangkan apabila kerja-kerja pembinaan bagi keseluruhan projek itu adalah mengikut jadual dengan melepasi 24 peratus telah siap.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Najmuddin Abdullah, berkata tahap kemajuan laluan itu adalah petanda baik bagi memastikan projek berkenaan siap mengikut jadual ditetapkan.

"Secara keseluruhan, kemajuan projek sudah melepasi 24 peratus dan kita berada beberapa minggu lebih awal dari jadual asal."

"Ini adalah satu petanda baik bagi sebuah projek besar dan adalah penting pada peringkat awal untuk kemajuan projek berada lebih awal daripada jadual kerana kita tidak tahu apa cabaran yang akan menanti," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan demonstrasi operasi pemadaman kebakaran dan menyelamatkan di tapak pembinaan stesen MRT Bandar Malaysia, berhampiran Sungai Besi di sini, hari ini.

Menurutnya berdasarkan perkembangan kerja-kerja pembinaan semasa, diyakini projek dianggar bernilai RM32 bilion itu dapat disiapkan tepat mengikut garis masa yang ditetapkan sama seperti projek MRT bagi laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Berhubung demonstrasi tahap keselamatan stesen MRT itu, Najimuddin berkata operasi kerja-kerja penyelamatan itu berjalan lancar dan memberikan keyakinan kepada masyarakat terhadap keupayaan pasukan kecemasan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT)....

Untuk berita penuh sila langgan [BERNAMA.com Xtra](#) [Klik di sini]

[Berita Utama Terdahulu](#)

▼ iklan

